

**SOALAN NO. : 25**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS  
[ JERANTUT ]**

**TARIKH : 11 NOVEMBER 2014**

**SOALAN :**

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian terhadap projek pembangunan yang dijalankan di kawasan eko pelancongan yang telah mengganggu alam sekitar secara tidak terkawal.**

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah melaksanakan projek pembangunan ekopelancongan di dalam Kawasan Perlindungan (*Protected Area*) yang mempunyai landskap yang unik dan kandungan biodiversiti yang tinggi seperti Taman Negara, Rezab Hidupan Liar dan kawasan tanah lembap yang menjadi tapak Ramsar. Kebanyakan Kawasan Perlindungan mempunyai Pelan Pengurusan yang menjelaskan pembahagian zon tertentu mengikut kegunaannya. Contohnya bagi zon untuk kegunaan rekreasi, pembangunan berskala rendah dan mampan dibenarkan. Pembahagian zon mengikut kegunaan dalam Pelan Pengurusan merupakan satu kaedah pengawalan pembangunan dalam sesebuah Kawasan Perlindungan.

Selain daripada itu, pembangunan ekopelancongan dijalankan mengikut prinsip kelestarian dan selari dengan Pelan Ekopelancongan Kebangsaan. Pelan ini digunakan sebagai mekanisme pembangunan mampan dan pemuliharaan warisan alam semulajadi. Di antara konsep kelestarian yang relevan adalah Keupayaan Daya Tampung (*Carrying Capacity* dengan izin) dan Had Ambang (*Limits of Acceptable Change* dengan izin).

Bagi kawasan yang berada di bawah pengurusan Kerajaan Negeri, Kementerian sentiasa mengadakan perbincangan dari semasa ke semasa untuk menyelaraskan aktiviti pembangunan di Kawasan Perlindungan khususnya yang memberi impak kepada alam sekitar.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO.26**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN TEO NIE CHING**

**TARIKH : 11 NOVEMBER 2014 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Puan Teo Nie Ching [ Kulai ] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan biasiswa JPA yang diberikan kepada mahasiswa jurusan perubatan di universiti/kolej swasta di Malaysia.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penajaan bidang perubatan di universiti/kolej swasta di Malaysia adalah terhad kepada pelajar lepasan Program Bursary tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia dan Program Universiti Perdana sahaja.

Buat masa ini, JPA sedang menaja seramai 457 orang pelajar dalam bidang perubatan di bawah kedua-dua program berkenaan.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
TARIKH : 11 NOVEMBER 2014  
[ SELASA ]  
DARIPADA : Y.B. DATUK AARON AGO ANAK DAGANG  
[ KANOWIT ]

**SOALAN :-**

**Y.B. DATUK AARON AGO ANAK DAGANG [ KANOWIT ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan sama ada Kementerian sedar bahawa banyak masalah dan keperluan rakyat tempatan di bawah Majlis Daerah atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), seperti tempat pelupusan sampah, tempat parking, sistem perparitan, jalan kampung, street lightings, dan lain-lain yang sering tidak mencukupi, terutamanya di bandar-bandar atau pekan-pekan kecil di kawasan pedalaman terutama di Sarawak. Apakah tindakan Kerajaan dalam menyelesaikan masalah ini.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) sentiasa melaksanakan projek-projek kecil pembangunan (dikenali sebagai peruntukan BP1) di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Projek-projek tersebut meliputi sistem perparitan di kawasan-kawasan perumahan, jalan-jalan kampung, pencahayaan (*street lighting*) di kawasan perumahan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

PBT bertanggungjawab untuk mengenal pasti projek-projek yang perlu dilaksanakan dan mengemukakan kepada Kementerian setiap tahun bagi tujuan perancangan. Kementerian seterusnya akan menimbang pelaksanaan projek pembangunan berdasarkan keperluan dan peruntukan kewangan sedia ada.

Bagi tahun 2014, Kementerian telah melaksanakan sebanyak 338 projek pembangunan yang melibatkan kos sebanyak RM 47,495,120 di 26 PBT di Sarawak.